

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2JLD.3(57)
Tarikh : 19 April 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MAKLUMAN SEMAKAN PTJ CONTACT LIST BAGI TUJUAN PENGEMASKINIAN STATUS PROSES GAJI DI PTJ (ZRPY101)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan buletin no. rujukan ANM.PK.P/P.600-5JLD.12(7) yang bertarikh 19 Januari 2018 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, **ZRPY101 – PY Simulation Status PTJ** merupakan proses yang disediakan bagi memberi ruang komunikasi di antara Pejabat Perakaunan dengan PTJ di sistem 1GFMAS. Ia diperlukan oleh Pejabat Perakaunan untuk mendapat maklumat mengenai kesediaan PTJ (iaitu **PTJ telah menyelesaikan proses simulasi gaji dengan sempurna dan tiada lagi ralat di data induk pegawai**) bagi proses gaji diteruskan di Pejabat Perakaunan.

3. Proses ini membolehkan penukaran status kesediaan proses gaji daripada status '**Open**' atau '**Repeat**' kepada status '**Complete**' setelah proses simulasi gaji di PTJ selesai dilaksanakan. **Proses ini hanya boleh dilaksanakan oleh PTJ setelah emel pemberitahuan bagi permulaan proses simulasi gaji diterima daripada Pejabat Perakaunan.**

4. Oleh itu, dilampirkan bersama **senarai PTJ contact list** di bawah Pejabat Perakaunan JANM Perak(1008) yang telah dimuatnaik ke sistem iGFMAS . Mohon semakan bagi memastikan emel pemberitahuan proses simulasi (ZRPY101) dapat dihantar. Sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat, sila isi **Borang Perubahan PTJ Contact List** seperti di lampiran dan emelkan borang tersebut ke gaji_prk@anm.gov.my atau faks ke Unit Gaji di talian 05-2412969 **selewat-lewatnya pada 26 April 2019 (Jumaat).**

5. Sekiranya PTJ masih ada perubahan maklumat selepas tarikh ini seperti pegawai yang bertanggungjawab telah bertukar, perubahan emel atau pusat pembayar baru diwujudkan, PTJ hendaklah menghantar **Borang Perubahan PTJ Contact List ke Unit Gaji selewat-lewatnya 2 hari sebelum tarikh simulasi PTJ setiap bulan** untuk proses pengemaskinian.

6. Segala kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**